

Kuala Besut: Calon BN di depan tetapi PAS ada peluang
Malaysian Insider
July 23 , 2013
Oleh The Malaysian Insider

Dua hari menjelang hari pengundian, pengkaji pilihan raya Ilham Centre mendapati Barisan Nasional (BN) berada di depan tetapi calon PAS berpotensi menang di Kuala Besut jika beberapa strategi saat-saat akhir dilaksanakan PAS.

Pengarah Eksekutif Ilham Centre, Mohamad Hisomudin Bakar berkata, kajian yang dibuat oleh pihaknya mendapati calon PAS Azlan bin Yusof atau Che Long sangat dikenali ramai.

"Kajian antara 18 sehingga 21 Julai 2013 menunjukkan populariti calon PAS jauh mendahului 71 peratus berbanding 14 peratus bagi calon BN," katanya.

Hisomudin berkata demikian kepada The Malaysian Insider berdasarkan kajian Ilham Centre melibatkan 546 responden di semua lapan daerah mengundi dalam DUN Kuala Besut.

"PAS berpotensi menang jika membawa balik hampir 2,000 pengundi yang berada di luar Kuala Besut untuk mengundi di samping bergantung kepada pengundi muda.

"Jika PAS tidak berjaya membawa balik pengundi luar, kami jangka majoriti BN meningkat," katanya.

Ilham Centre memiliki reputasi yang baik dalam kajian prapilihan raya ekoran hampir semua ramalan pada pilihan raya kecil musim lalu, agak tepat.

Kira-kira 17,000 pengundi Kuala Besut mengundi di lapan pusat mengundi s Pengundian bermula jam 8 pagi dan berakhir jam 5 petang esok.

Keputusan rasmi diperoleh SPR jam 10.30 malam ekoran bulan Ramadan tetapi keputusan tidak rasmi dijangka mula diterima sekitar jam 7.30 malam.

PAS dianggap underdog dalam pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan (DUN) Negeri Kuala Besut ini selepas kalah majoriti agak besar dalam pilihan raya lalu iaitu 2,400 undi.

Bagaimanapun, penampilan Che Long sebagai calon PAS menjadikan pertembungan sengit dan sukar diramal.

Walaupun popular tetapi kekuatan imej Che Long dilihat tidak dapat diterjemahkan kepada bentuk undi atas beberapa faktor yang lebih dominan, lapor Ilham Centre.

Sejarah pertembungan radikal dan ekstrim PAS – Umno suatu ketika dahulu yang menyaksikan isu kontroversi seperti kafir-mengkafir dan sembahyang dua imam masih membayangi pengundi.

Penampilan Che Long yang mewakili PAS dilihat membawa imej kebajikan untuk semua tetapi perwatakan rentas parti belum berjaya memadamkan legasi lama. - 23 Julai, 2013.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kuala-besut-calon-bn-di-depan-tetapi-pas-ada-peluang>